



KETUA SETIAUSAHA
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara Prisma, No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon : 603 - 8090 2006
Laman Web : www.ekonomi.gov.my
Emel : norazmie@ekonomi.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : EPU(S).13-13/11/1 (12)

Tarikh : / November 2024

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR
(u.p.: YBrs. Dr. Halimahton Sa'diah Let)

YBrs. Dr.,

**PELANTIKAN PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) SEBAGAI
RAKAN STRATEGIK BAGI PENGANJURAN SESI LIBAT URUS RANCANGAN
MALAYSIA KETIGA BELAS (SLU RMK13) BERSAMA INDUSTRI**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian kepada perkara di atas.

2. Ketua Setiausaha Negara (KSN) melalui surat arahan rujukan EPU.12- 13/26/1 (21) bertarikh 30 Ogos 2024 telah memaklumkan mengenai penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), 2026 – 2030 yang akan dibentangkan di Parlimen pada Julai 2025.
3. Susulan itu, Kementerian Ekonomi akan menjalankan Sesi Libat Urus RMK13 (SLU RMK13) bersama industri bertujuan untuk menyemak semula dan menyusun keutamaan dasar, strategi dan sasaran di samping mendapatkan input serta fokus keperluan dan perancangan pembangunan untuk dipertimbangkan dalam penggubalan dokumen RMK13. Ia bagi memastikan Malaysia menuju ke arah yang lebih baik dan mencapai aspirasi Malaysia MADANI.
4. Dalam hal ini, Kementerian Ekonomi berhasrat **melantik Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai rakan strategik** untuk bersama-sama menganjur dan menjayakan empat (4) SLU RMK13 bersama industri. Bagi tujuan tersebut, peruntukan sejumlah **RM750,000.00** akan disalurkan secara terus kepada MPC.

SULIT

5. Pihak YBrs. Dr. dimohon untuk memastikan segala perbelanjaan berkaitan SLU RMK13 bersama industri ini adalah tertakluk kepada peraturan perolehan dan tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa.

6. Kementerian mengucapkan terima kasih atas kesediaan MPC dalam bersama-sama menjayakan pelaksanaan SLU RMK13 bersama industri ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' NOR AZMIE BIN DIRON)

s.k. :

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral)

Timbalan Ketua Setiausaha (Makro)

Pengarah Bahagian Pembangunan Wilayah

Pengarah Bahagian Pembangunan Ekuiti

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)